



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
NEGERI TERENGGANU**

📍 TINGKAT 7, WISMA NEGERI,
20200 KUALA TERENGGANU

☎ 09-627 4163

🌐 spn.terengganu.gov.my

✉ spn@terengganu.gov.my



PELAN ANTIRASUAH

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI TERENGGANU

2023 - 2027



PELAN
ANTIRASUAH
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI TERENGGANU
2023 - 2027

KANDUNGAN OACP

3

PERUTUSAN PENERUSA

4

AMANAT SETIAUSAHA

5

RINGKASAN EKSEKUTIF

8 - 9

BAB 1

**LATAR BELAKANG
ORGANISASI**

Latar belakang

Fungsi, Visi dan Misi

11 - 14

BAB 2

**PENGUKUHAN ASPEK
TADBIR URUS, INTEGRITI DAN
ANTIRASUAH**

Pembangunan OACP 2023-2027

Isu dan Cabaran

17 - 23

BAB 3

**MEMPERKASA USAHA
PENCEGAHAN RASUAH**

Mekanisma Pelaksanaan

Mekanisma Penilaian Dan
Pemantauan

Keperluan Kerangka

Kerangka Utama OACP

Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko

Semakan Semula

26 - 31

BAB 4

**KESIMPULAN DAN
PENGHARGAAN**

Kesimpulan

Penghargaan

Ahli Jawatankuasa Pembangunan
OACP

Koleksi Foto Aktiviti Pembangunan
OACP

34

SINGKATAN

Singkatan



PERUTUSAN PENGERUSI

*SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
NEGERI TERENGGANU*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinanNya Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu (SPNT) telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah SPNT (OACP) 2023 – 2027 dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

SPNT komited untuk melaksanakan dengan jayanya semua inisiatif yang dinyatakan dalam pelan ini dan akan mengenal pasti sebarang penambahbaikan yang boleh dilakukan serta memastikan inisiatif yang dilaksanakan adalah sejajar dengan prinsip yang digariskan dalam Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) agar usaha-usaha pengukuhan integriti, governans dan antirasuah yang dirancang berjaya dilaksanakan.


Harapan saya agar semua warga SPNT akan memberi kerjasama dan sokongan penuh bagi pelaksanaan OACP 2023 – 2027 yang mampu memberi impak positif kepada SPNT dan menjadikan SPNT sebuah agensi yang berintegriti dan bebas rasuah. Selain itu, ia juga akan menaikkan imej dan meningkatkan keyakinan orang awam terhadap sistem penyampaian perkhidmatan SPNT yang lebih baik dan berkesan.

Ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membangunkan pelan ini.

Saya percaya melalui OACP 2023 - 2027 ini, visi SPNT untuk menjadi pihak berkuasa melantik yang berintegriti, profesional dan bebas rasuah dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

Pengerusi
Dato' Haji Mohd Akil bin Haji Mat



AMANAT SETIAUSAHA

*SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
NEGERI TERENGGANU*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas izin dan kurniaNya, OACP 2023 – 2027 berjaya disiapkan walaupun dengan pelbagai cabaran dan kekangan yang ditempuhi. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Pembangunan OACP 2023 – 2027, urus setia serta semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini. Pelan ini merupakan satu panduan bagi memelihara integriti warga SPNT dan menambahbaik sistem pengurusan antirasuah di dalam Suruhanjaya ini.

Suruhanjaya ini komited untuk merealisasikan aspirasi Kerajaan Negeri Terengganu untuk mewujudkan budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti dalam usaha untuk menjadikan sebuah agensi yang bebas rasuah melalui pemantapan governans dan integriti.

Sehubungan itu, saya menyeru semua warga SPNT agar dapat bersama mengembling tenaga dan usaha ke arah satu persekitaran kerja yang lebih berintegriti, bertanggungjawab dan diyakini ketelusannya. Matlamat ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama dan sokongan padu oleh semua pihak. Marilah sama-sama kita melaksanakan setiap inisiatif yang telah dirangka di dalam OACP 2023 – 2027 ini agar matlamat pelan ini dapat dicapai seterusnya memberikan hasil yang diharapkan

Setiausaha
Wan Ahmad Firdaus bin Wan Abdullah



RINGKASAN EKSEKUTIF

OACP 2023 – 2027 merupakan dokumen yang dihasilkan secara menyeluruh dan bersepadu dengan mengambil kira pandangan warga SPNT dalam usaha mencegah rasuah serta meningkatkan tadbir urus organisasi seiring dengan matlamat NACP.

Visi OACP ini adalah untuk menjadikan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu sebagai pihak berkuasa melantik yang berintegriti, profesional dan bebas. Manakala misi OACP mewujudkan budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti.

Dua (2) bidang keutamaan telah dikenal pasti dalam OACP iaitu **tadbir urus awam dan pengambilan & perkhidmatan**.

Dua (2) strategi untuk mencapai objektif OACP adalah seperti berikut:

1. Memperkemaskan tadbir urus awam/ sistem pentadbiran awam bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.
2. Memperkasakan pengurusan pengambilan dan perkhidmatan perjawatan bagi mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu.

Pelaksanaan pelan tindakan dalam OACP ini akan dipantau secara berkala dan akan dikaji semula pada tahun 2026.

“Integriti adalah nilai yang bermula dari dalam diri manusia. Ia bercambah daripada kesedaran fitrah dan bermula dari hati, kemudian meresap ke dalam minda dan emosi. Akhirnya integriti dipamerkan pada tubuh fizikal menerusi tingkah laku.”

BAB 1

LATAR BELAKANG ORGANISASI

- Latar belakang •**
- Fungsi, Visi dan Misi •**

A large iceberg is shown floating in the ocean. The top part of the iceberg, which is visible above the water, is relatively small and jagged. The much larger part of the iceberg is submerged below the water surface, illustrating the concept of 'iceberg' where the visible part is only a fraction of the whole. The background is a clear blue sky with a few white clouds.

LATAR BELAKANG

Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu (SPNT) telah ditubuhkan pada 10 Ogos 1959 di bawah Fasal 56 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) Tahun 1959.

Di bawah Perkara 56 (9) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Yang Pertama)(Pindaan)Tahun 1956, Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap perlantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan menjalankan kawalan tatatertib anggota perkhidmatan yang di bawah bidang kuasanya.

Fungsi

Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu juga berfungsi sebagai:

1. Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu
2. Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu
3. Pihak Berkuasa Tatatertib terhadap pegawai yang memegang atau memangku jawatan Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri.
4. Berkuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Visi

Menjadi sebuah agensi awam yang unggul berteraskan teknologi terkini dalam pentadbiran bagi memenuhi citarasa pelanggan.

Misi

Menerapkan kecemerlangan dan ketelusan ke arah mencapai hasrat bagi membantu Kerajaan Negeri dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang berkualiti.

BAB 2

PENGUKUHAN ASPEK TADBIR URUS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

**Pembangunan OACP •
2023-2027**

Isu dan Cabaran •

PEMBANGUNAN OACP 2023-2027

Pembangunan OACP 2023-2027 melibatkan beberapa proses utama yang harus dilalui oleh sesebuah organisasi. Untuk tujuan pembangunan OACP 2023 - 2027 ini, ia dimulakan dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan OACP 2023-2027. Keanggotaan ahli jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil bahagian di SPNT.

Beberapa siri bengkel, taklimat dan perbincangan telah diadakan dalam usaha membangunkan OACP ini. Antaranya adalah:

1. Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah Secara Atas Talian pada 9 Februari 2022.
2. Perbincangan Penyediaan OACP di Institut Integriti Malaysia (IIM) Kuala Lumpur pada 23 Jun 2022.
3. Taklimat Penyediaan OACP secara berkelompok di agensi/jabatan pada 10 Januari 2023.
4. Taklimat Penyediaan Senarai Semak bagi kursus Pembangunan OACP secara atas talian pada 24 Januari 2023.
5. Sesi Semakan Persediaan Data bagi kursus Pembangunan OACP secara atas talian pada 8 Februari 2023.
6. Bengkel Penyediaan OACP secara berkelompok di agensi/jabatan pada 20 -23 Februari 2023 di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).
7. Bengkel Pemurnian OACP Siri 1 pada 12 Mac 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu.

ISU DAN CABARAN

ANALISIS DATA

Dalam fasa pembangunan OACP SPNT, pelbagai data telah diperoleh sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh SPNT. Data-data tersebut terbahagi kepada data dalaman dan data luaran. Data dalaman jabatan merangkumi aduan awam, integriti dan soal selidik melibatkan warga SPNT. Manakala data luaran terdiri daripada data yang diperoleh daripada agensi luar seperti Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN).


Hasil perbincangan bersama SPRM dan input daripada setiap bahagian yang dikemukakan semasa Bengkel Pembangunan OACP, risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan anti rasuah di SPNT telah dikenal pasti.

SOAL SELIDIK WARGA PEJABAT SPNT

Merupakan analisa data yang diperolehi daripada responden kaji selidik warga SPNT yang bertujuan untuk mengukur persepsi dan pandangan warga SPNT daripada pelbagai gred berhubung isu rasuah, governans dan integriti di SPNT.

BORANG SOAL SELIDIK BERIKUTAN ISU RASUAH, GOVERNANS DAN INTEGRITI


Adakah jawatan dan fungsi anda sekarang terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya kesalahan rasuah?



Hasil kaji selidik mendapati sebahagian kecil iaitu sebanyak 25% warga SPNT berpendapat jawatan dan fungsi mereka terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya rasuah.

ADUAN INTEGRITI WARGA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI TERENGGANU

Secara keseluruhannya, aduan integriti yang melibatkan warga SPNT di semua bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Pengambilan & Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat.



“Allah melaknat orang yang memberi dan menerima rasuah serta orang yang memberi jalan terhadap kedua-duanya (perantara).”

(Hadis Riwayat At Tirmizi dan Ibn Majah)

BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- Mekanisma Pelaksanaan
- Mekanisma Penilaian Dan Pemantauan
- Keperluan Kerangka
- Kerangka Utama OACP
- Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko
- Semakan Semula

MEKANISMA PELAKSANAAN

Bagi memastikan semua inisiatif OACP SPNT dilaksanakan dengan cekap, sistematik dan menyeluruh, kerjasama dan keterlibatan adalah penting agar OACP SPNT bergerak seiring dengan arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan: Pelaksanaan Pelan AntiRasuah Nasional. Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP SPNT hendaklah ditubuhkan dan melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) SPNT

- Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP
- Membuat keputusan dan menetapkan dasar.

URUS SETIA UNIT INTEGRITI SPNT

- Melaporkan status pelaksanaan OACP SPNT melalui JAR SPNT
- Mendapat penjelasan daripada pelaksana Pelan Tindakan.
- Membentangi laporan pencapaian dalam mesyuarat JAR peringkat jabatan.

MEKANISMA PENILAIAN DAN PEMANTAUAN

Penilaian terhadap keberkesanan OACP dilaksanakan dengan tujuan untuk:

- Mengenal pasti kekuatan dan keselamatan setiap aktiviti;
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang dicapai;
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang; dan
- Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.

KEPERLUAN KERANGKA

Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu adalah organisasi yang memainkan peranan penting dalam menjamin mutu pengambilan anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu. Sebagai organisasi peneraju dalam urusan pengambilan anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu, pengukuhan integriti dan tadbir urus serta pencegahan rasuah dalam sistem dan prosedur kerja di SPNT adalah amat penting. Sehubungan itu, pembangunan OACP 2023 – 2027 yang menangani isu dalaman organisasi berkaitan salah laku rasuah, kelemahan integriti dan tadbir urus adalah tepat bagi mencapai visi dan misi SPNT.

Maka, SPNT telah menetapkan dua (2) strategi utama bagi menangani risiko rasuah dan salah laku integriti di SPNT khususnya dalam bidang berisiko tinggi iaitu Pengambilan dan Perkhidmatan serta Teknologi Maklumat. Pelaksanaan pelan ini diharap mampu memantapkan lagi proses tadbir urus, meningkatkan tahap ketelusan dan mengukuhkan sistem pentadbiran SPNT.



KERANGKA UTAMA OACP

	Menjadikan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu sebagai pihak berkuasa melantik yang berintegriti, profesional dan bebas rasuah.	
MISI	Mewujudkan budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti.	
MATLAMAT	Memperkasa pengurusan pelantikan penjawat awam Negeri Terengganu	Mewujudkan mutu penyampaian perkhidmatan yang efisien, sistematik dan berkesan.
BIDANG KEUTAMAAN	Tadbir Urus Awam	Pengambilan dan Perkhidmatan
STRATEGI	Memperkemaskan tadbir urus awam / sistem pentadbiran awam bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.	Memperkasakan pengurusan pengambilan dan perkhidmatan perjawatan bagi mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan bawah pentadbiran kerajaan negeri Terengganu.

BIDANG-BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan dua bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di SPNT yang telah dikenal pasti iaitu Teknologi Maklumat dan Pengambilan.


Bidang Keutamaan	Tadbir Urus Awam		
Strategi	Memperkemaskan tadbir urus awam/ sistem pentadbiran awam bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.		
Objektif Strategik	Mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dalam teknologi.		
Inisiatif	Bahagian / Cawangan Peneraju	Tempoh Masa	Pemantauan dan Penilaian
Penambahbaikan sistem eSUPERNET supaya lebih mesra pengguna seperti mudah dikemaskini dan dicapai.	Teknologi Maklumat	2 tahun	Mesyuarat Pengurusan SPNT
Menambahbaik sistem dengan ciri-ciri keselamatan yang lebih tinggi.	Teknologi Maklumat	2 tahun	Mesyuarat Pengurusan SPNT

Bidang Keutamaan	Pengambilan dan Perkhidmatan		
Strategi	Memperkasakan pengurusan pengambilan dan perkhidmatan perjawatan bagi mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan bawah pentadbiran kerajaan negeri Terengganu.		
Objektif Strategik	Mempertingkatkan ketelusan maklumat dan integriti dalam urusan pengambilan dan perkhidmatan.		
Inisiatif	Bahagian / Cawangan Peneraju	Tempoh Masa	Pemantauan dan Penilaian
Memperkemaskan prosedur pergerakan dokumen terperingkat selaras dengan Arahan Keselamatan.	Pengambilan dan Perkhidmatan	1 tahun	<ol style="list-style-type: none"> Mesyuarat Pengurusan SPNT Mesyuarat Jawatankuasa Pengambilan SPNT Persidangan Am SPNT
Menambah baik manual prosedur kerja bagi urusan pengambilan.	Pengambilan	1 tahun	Mesyuarat Jawatankuasa Pengambilan SPNT
Mengehadkan akses kepada pegawai yang melaksanakan urusan pengambilan.	Pengambilan	5 tahun	Mesyuarat Jawatankuasa Pengambilan SPNT

SEMAKAN SEMULA

Semakan dan kajian semula OACP ini akan dibuat pada tahun 2026 bagi menentukan keberkesanan inisiatif Tindakan Pembaharuan.





“ Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya). ”

(Surah Al-Baqarah : ayat 188)

BAB 4

KESIMPULAN DAN PENGHARGAAN

- Kesimpulan •**
- Penghargaan •**
- Ahli Jawatankuasa
Pembangunan OACP •**
- Koleksi Foto Aktiviti
Pembangunan OACP •**

KESIMPULAN

Usaha dalam membangunkan OACP SPNT 2023 - 2027 ini telah membuktikan komitmen yang berterusan daripada warga SPNT dalam merealisasikan usaha pentadbiran negeri dalam memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah. Pemantauan dan penilaian terhadap inisiatif ini perlu dilakukan dari semasa ke semasa agar pelaksanaannya mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dengan adanya OACP ini, diharapkan akan dapat mewujudkan budaya kerja yang berintegriti dan antirasuah dikalangan warga SPNT khususnya dan pentadbiran awam secara umumnya.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam meluangkan masa, memberikan input, maklum balas dan kerjasama serta sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam pembangunan Pelan Antirasuah SPNT 2023- 2027.

Terima kasih jua kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan pelan ini.

AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP SPNT 2023- 2027

PENAUNG

YBhg. Dato' Haji Mohd Akil bin Haji Mat

PENGERUSI

Wan Ahmad Firdaus bin Wan Abdullah

JAWATANKUASA

Haji Hasdi bin Zakaria

Roslily binti Abd. Rashid

Hajah Norhayati binti Abdullah

Hajah Mateenah binti Hassan

Nur Mizani binti Mat Jusoh

KOLEKSI FOTO AKTIVITI PEMBANGUNAN OACP









“ Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan RasulNya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedangkan kamu mengetahui salahnya. ”

(Surah Al-Anfal : ayat 27)

SINGKATAN

Singkatan •

SINGKATAN

- eSUPERNET Sistem Pengambilan Secara Online
- IIM Institut Integriti Malaysia
- JAR Jawatankuasa Antirasuah
- MACA Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
- NACP Pelan Antirasuah Nasional
- OACP Pelan Antirasuah Organisasi
- SPAN Sistem Pengurusan Audit Nilai
- SPNT Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu
- SPRM Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI TERENGGANU

TINGKAT 7 WISMA NEGERI
20200 KUALA TERENGGANU

09-6274163

spn.terengganu.gov.my
spn@terengganu.gov.my